

...dan pada saya ini menunjukkan rakyat dah mula sedar dan memikir perubahan pimpinan kerajaan yang lebih adil, telus dan pentingkan rakyat.” katanya di dalam program Jelajah Refor-



# Nurul Izzah bakar semangat rakyat

**SEMANGAT** reformasi tetap diteruskan meskipun Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dapat hadir ekoran masalah kesihatannya dan digantikan oleh anaknya yang juga merupakan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah (**gambar**).

Menurut Izzah rakyat kini mahagakan maklumat dan kebenaran yang tepat tentang ketidakadilan institusi kehakiman yang menjatuhkan hukuman penjara terhadap Anwar selama 5 tahun berhubung kes titnah II.

“Indikasi berjayanya Jelajah ini adalah pimpinan Umno dalam Parlimen begitu kuat menentang, jadi saya namak impaknya begitu terserlah pada malam ini, pada saya rakyat bukan sahaja dahagakan



maklumat, tapi dapat merasakan ketidakadilan penghakiman yang dijatuhkan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya dapat lihat kesedaran rakyat yang amat tinggi, kewajipan dalam melaksanakan refor-

“**Saya dapat lihat kesedaran rakyat yang amat tinggi, kewajipan dalam melaksanakan reformasi itu harus dipegang.”**

**NURUL IZZAH**  
Ahli Parlimen  
Lembah Pantai

masi itu harus dipegang.

“Jadi harapan saya bukan sahaja meraih simpati dan berdoa, tetapi bertitik tolak melakukan sedaya mungkin untuk merealisasikan institusi kehakiman yang adil, pentadbiran yang lebih telus,” katanya.

Izzah yang turut digelar ‘Primadona Reformasi’ oleh penyokong di Negeri Sembilan turut berkata pendedahan yang dibuat disertakan fakta dan bukti yang tepat, bukan hanya propaganda semata-mata.

# Bekas hakim dapat projek Kidex

**ADALAH** perkara biasa di Malaysia apabila bekas ketua hakim dianugerahkan projek besar meskipun wujud konflik kepentingan, kata Nurul Izzah Anwar.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu mengaitkan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi yang dianugerahkan projek Lebuh Ekspres Kinrara-Daman-sara (KIDEX Skyway) bernilai RM2.2 bilion beberapa tahun lalu.

Menurut Izzah, Zaki yang merupakan kroni Umno BN menjadi pemegang saham terbesar dalam projek berkenaan, selepas bersara sebagai Ketua Hakim Negara.

“Sejarah Tun Zaki Azmi sendiri, iaitu bekas ketua hakim di mana beliau terlibat dengan isteri beliau dalam projek Kidex bernilai 2.2 bilion.

“Ini makanan mereka (Umno) terus mengkayakan kroni, mengaburi mata rakyat kononnya membuat sesuatu projek untuk kemudahan rakyat, tapi dalam masa yang sama poket sendiri juga perlu (dipenuhi).”

“Habis rakyat ini macam mana? Terus susah dan dihimpit bebanan?” Soalnya ketika ditemui pemberita dalam Program Jelajah Reformasi 2.0 fasa 2 di Paroi, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Projek yang menelan belanja RM2.2 bilion itu sebelum ini dikritik Pakatan Rakyat (PR) kerana dianugerahkan kepada dua konsesi iaitu Tun Zaki dan Penasihat Undang-Undang Umno, Datuk Hafarizam Harun.

Kedua-dua tokoh berkenaan terlibat dengan rampasan kuasa oleh Umno di Perak pada 2009.